

# Blok kerajaan bidas kempen

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER, HASIF IDRIS, HAWA ALI dan ROSKHOIRAH YAHYA**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 3 SEPT.**

**T**INDAKAN mengutamakan produk keluaran Muslim yang dilancarkan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah satu langkah tidak sihat kepada ekonomi negara, kata pemimpin blok kerajaan.

Mereka mendakwa, kempen itu boleh membawa kepada pendekatan negatif yang boleh mengundang rasis, ekstremis agama dan cenderung pembangkang.

Presiden PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tindakan mendokong sesuatu jenama atau syarikat atas alasan tertentu tetapi apabila membawa kepada satu pendekatan negatif adalah tidak sihat sama sekali.

"Kalau anda mahu mempromosikan produk halal boleh di-



Bagi saya konotasi kaum digunakan dalam kempen seperti itu adalah tidak sihat untuk negara bermasyarakat majmuk seperti kita."

**ANWAR IBRAHIM**

terima. Tetapi apabila melibatkan isu kaum, agama itu tidak sihat. Sebagai seorang Islam, amat penting bagi kita mengeluarkan produk yang bagus dan diterima semua orang. Tetapi ada produk memenuhi ciri Islam tetapi dimiliki oleh orang Cina.

"Bagi saya konotasi kaum digunakan dalam kempen seperti itu adalah tidak sihat untuk negara bermasyarakat majmuk seperti kita," katanya selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Sejarah

dan Kebudayaan 2019 di sini hari ini.

Timbalannya Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pula berkata, tindakan memboikot barangan keluaran syarikat tertentu tidak pernah menjadi amalan di negara ini.

"Kita tidak boleh membekalkan hubungan ekonomi dan masyarakat kita ditentukan oleh permusuhan kaum, agama atau prasangka. Tidak ada jenis boikot yang memecahbelahkan. Bukan di Malaysia!" kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu me-

nerusi Twitter.

Dalam pada itu, Menteri Kewangan Lim Guan Eng menggelar NGO terlibat dalam kempen berkenaan sebagai rasis, ekstremis agama dan cenderung pembangkang.

Setiausaha Agung DAP itu menyifatkan, kempen berkenaan sebagai tidak waras dan tidak wajar kerana menjejaskan perpaduan selain merugikan pengguna dalam mendapatkan harga serta barangan berkualiti tinggi.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, usaha memboikot produk keluaran bukan Islam itu hanya akan menghancurkan perpaduan dan boleh memecahbelahkan rakyat.

"Kalau kita hanya ada satu konsep yang mana tidak memikirkan kualiti dan harga asalkan produk itu dikeluarkan peniaga Islam, perkara tersebut tidak akan mendorong mereka untuk terus maju dalam bidang keusahawanan," katanya.